

Cagamas umum agregat terbitan RM500 juta FRN, kertas komersial

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd (Cagamas) semalam mengumumkan agregat terbitan instrumen hutang konvensional RM500 juta terdiri daripada Nota Kadar Terapung (FRN) satu tahun bernilai RM150 juta dan Kertas Komersial Konvensional (CCP) tiga bulan bernilai RM350 juta.

Perbadanan gadai janji negara itu berkata hasil daripada terbitan tersebut akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman gadai janji daripada sistem kewangan.

Ringgit meningkat berbanding dolar AS, menunjukkan pengukuhan dan daya tahan pasaran bon domestik yang menyumbang kepada kejayaan terbitan kami, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Chung Chee Leong dalam kenyataan semalam.

Terbitan itu pada harga kompetitif pada tebaran mendatar berbanding kadar asas Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan yang pada masa ini pada 3.69 peratus.

"FRN menunjukkan terbitan FRN kedua syarikat itu bagi tahun ini dan menekankan usaha dalam membangunkan pasaran modal dalam negara melalui terbitan struktur yang pelbagai yang memenuhi pelbagai keperluan pelaburan," katanya.

CCP untuk tempoh tiga bulan itu diterima baik oleh institusi kewangan (FI), serta FI asing, yang terdiri daripada hampir 29 peratus daripada kadar langganan, katanya.

Kertas tersebut, yang akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila matang, adalah obligasi tidak bercagar syarikat, pada kedudukan berkadar dengan langkah yang sama (pari passu) antara mereka dan dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada syarikat. — Bernama